



**DUOPHARMA BIOTECH BERHAD**

**GARIS PANDUAN BAGI  
PENERIMAAN BAYARAN  
HONORARIUM/SAGUHATI  
PENSYARAH/PENCERAMAH**

**NO. DOKUMEN: DBB/GRMI/POL/005-03**

**NO. RUJUKAN: 03**

**TARIKH BERKUAT KUASA : 24 JANUARI 2020  
TARIKH SEMAKAN SEMULA : 8 NOVEMBER 2023**



## GARIS PANDUAN BAGI PENERIMAAN BAYARAN HONORARIUM/SAGUHATI PENSYARAH/PENCERAMAH

### 1. LATARBELAKANG

Garis panduan ini bertujuan untuk menetapkan prosedur dan kadar pembayaran honorarium/saguhati yang dibuat kepada mana-mana Pegawai dan/atau Kakitangan Syarikat Kumpulan Duopharma Biotech Berhad ("Duopharma Biotech" atau "Syarikat") sebagai tanda terima kasih untuk pemberian syarahan atau ceramah di mana-mana kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh pihak luar. Honorarium/saguhati ditakrifkan sebagai suatu bayaran yang diberikan kepada seorang individu ("Penerima Honorarium") secara sukarela untuk sumbangannya bagi apa-apa program anjuran luaran yang **sebenarnya tidak memerlukan bayaran**.

### 2. KADAR BAYARAN HONORARIUM/SAGUHATI

Semua Pegawai dan/atau Kakitangan tetap/kontrak/sementara/sambilan Duopharma Biotech Berhad yang memberi syarahan atau ceramah di mana-mana kursus/bengkel/majlis rasmi anjuran pihak luar adalah layak menerima bayaran honorarium/saguhati pada kadar yang berikut:

| Gred Jawatan        | Kadar Honorarium /Jam                                        | Kadar Maksima/Bulanan                                         |
|---------------------|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| Gred JG18 ke Atas   | RM400<br><i>Atau nilai bersamaan dalam matawang tempatan</i> | Tidak melebihi 30% daripada gaji bulanan pensyarah/penceramah |
| Gred JG15 - JG17    | RM300<br><i>Atau nilai bersamaan dalam matawang tempatan</i> |                                                               |
| Gred JG12 - JG14    | RM200<br><i>Atau nilai bersamaan dalam matawang tempatan</i> |                                                               |
| Gred JG8 - JG11     | RM150<br><i>Atau nilai bersamaan dalam matawang tempatan</i> |                                                               |
| Kakitangan Sokongan | RM100<br><i>Atau nilai bersamaan dalam matawang tempatan</i> |                                                               |

Honorarium/saguhati yang diterima hendaklah diisytiharkan sewajarnya dan kelulusan mestilah diperolehi daripada Ketua Jabatan. Suatu Salinan pengisytiharan hendaklah dilanjutkan kepada Jabatan Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan.

### **3. TERMA DAN SYARAT**

3.1 Kelayakan untuk menerima bayaran honorarium/saguhati adalah tertakluk kepada terma-terma berikut:

- 3.1.1 Pegawai dan/atau Kakitangan Duopharma Biotech mestilah memperolehi kelulusan terdahulu daripada Ketua Jabatan mereka sebelum menerima tawaran sebagai pensyarah/penceramah untuk mana-mana kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh pihak luar. Salinan permohonan dan kelulusan haruslah dilanjutkan kepada ahli Majlis Pengurusan Kumpulan tertinggi dan Ketua Pengarah Urusan Kumpulan.
- 3.1.2 Penganjur/penyelaras kursus/bengkel/majlis rasmi yang memberi syarahan/ceramah di dalam program yang dianjurkannya tidak layak menerima bayaran honorarium/saguhati di bawah Garis Panduan ini.
- 3.1.3 Honorarium/saguhati boleh dibayar pada kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap selepas jam pertama, jika syarahan/ceramah itu ditetapkan lebih daripada satu jam oleh pihak penganjur.
- 3.1.4 Pegawai dan/atau Kakitangan Duopharma Biotech yang menerima lantikan luar harus menyampaikan Garis Panduan Honorarium/Saguhati Syarikat kepada pihak penganjur yang menjemput.
- 3.1.5 Lain-lain pembayaran ganti untuk kemudahan pengangkutan/penginapan/makan dll. yang disediakan oleh penganjur tidak dianggap sebahagian daripada bayaran honorarium/saguhati.
- 3.1.6 Jika bayaran honorarium/saguhati yang diterima melebihi kadar yang ditetapkan di atas, lebihan tersebut perlu dikembalikan kepada penganjur atau Kelab Sukan Duopharma Biotech dan bukti penerimaan hendaklah disimpan oleh penerima.
- 3.1.7 Bayaran honorarium/saguhati yang melebihi 30% daripada gaji bulanan mana-mana Pegawai dan/atau Kakitangan adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah Urusan Kumpulan.

**-Tamat-**